

# RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH

2011-2015

RINGKASAN EKSEKUTIF



Rakyat Didahulukan,  
Pencapaian Diutamakan





MALAYSIA

# RINGKASAN EKSEKUTIF RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH 2011-2015

Diterbitkan oleh  
UNIT PERANCANG EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
PUTRAJAYA  
2010

ISBN 978-967-5842-01-6



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Pengarah,  
Unit Perancang Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Blok B5 & B6,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 Putrajaya,  
MALAYSIA.

<http://www.epu.gov.my>  
email: [epu@epu.gov.my](mailto:epu@epu.gov.my)

Tel.: 603-8872 3333  
Faks: 603-8888 3755

Diterbitkan pada 10 Jun 2010

Hakcipta Penerbit ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin bertulis daripada **Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.**



Dicetak oleh  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad,  
Kuala Lumpur, 2010  
[www.pnmb.com.my](http://www.pnmb.com.my)  
email: [cservice@pnmb.com.my](mailto:cservice@pnmb.com.my)



**Perdana Menteri  
Malaysia**

## Prakata

Rancangan Malaysia Kesepuluh menetapkan satu lagi mercu tanda bersejarah dalam usaha kita melaksanakan misi penting ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi sebagaimana yang dihasratkan dalam Wawasan 2020. Kita berjaya menempa kemajuan besar dalam pembangunan ekonomi dan sosial sepanjang 53 tahun kita memajukan negara tetapi kini kita berhadapan dengan cabaran baharu yang berbeza. Kita tidak boleh lagi bergantung pada strategi dan pendekatan masa lampau dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara. Malaysia memerlukan pendekatan baharu, semangat baharu dan tekad baharu yang didorong oleh semangat 1Malaysia untuk melonjakkan negara ke tahap pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi.

Rancangan Malaysia Kesepuluh mengandungi aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampunan. Rancangan ini merencanakan pembangunan negara untuk tempoh lima tahun akan datang dengan matlamat untuk menyampaikan hasil yang dihasratkan untuk semua rakyat. Rancangan ini menyediakan pentas bagi transformasi struktur utama yang diperlukan oleh ekonomi berpendapatan tinggi serta hala tuju dasar, strategi dan program baharu yang membolehkan negara tampil sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi. Program pembangunan nasional berteraskan enam Bidang Keberhasilan Utama Negara, seperti yang digariskan dalam Program Transformasi Kerajaan, Bidang Ekonomi Utama Negara dalam Program Transformasi Ekonomi dan pembaharuan ekonomi strategik dalam Model Baru Ekonomi. Rancangan ini memperincikan strategi untuk memastikan peranan yang lebih berfokus bagi Kerajaan selaku pengawal selia dan pemangkin, dan pada masa yang sama mendukung gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan demi penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

Untuk melihat Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi, kita mesti berupaya bersaing di peringkat serantau dan juga global. Hal ini memerlukan kita melipatgandakan usaha untuk menarik pelaburan, memacu inovasi dan produktiviti. Teras bagi mana-mana ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif terletak pada tenaga kerja yang berdaya saing, kreatif dan inovatif di peringkat global. Untuk mencapainya, suatu pendekatan bersepadu bagi memupuk, menarik dan memelihara asas tenaga mahir bertaraf dunia akan dilaksanakan. Kreativiti, tenaga dan inisiatif sektor swasta akan dimanfaatkan sebagai pendorong utama aspirasi pertumbuhan negara. Kita akan menghapuskan halangan berstruktur dan peraturan lapuk untuk mewujudkan persekitaran pasaran yang cekap lagi fleksibel bagi sektor swasta.

Dalam meraih pertumbuhan ekonomi, fokus akan diberikan kepada penggunaan sumber yang cekap dalam sektor yang memiliki kelebihan daya saing. Bandar raya dan kelompok bandar tertentu akan dimajukan menjadi kota yang rancak, produktif dan sesuai didiami setanding dengan kota utama lain di dunia. Hal ini amat penting dalam misi kita untuk menarik tenaga mahir, syarikat dan pelaburan ke Malaysia. Pelaburan terhadap infrastruktur untuk menghubungkan kawasan luar bandar dengan kelompok bandar akan ditingkatkan bagi memastikan keterangkuman tercapai dalam perkongsian manfaat ekonomi. Kerajaan juga komited untuk meningkatkan punca pendapatan isi rumah 40% terendah tanpa mengira kaum, latar belakang atau lokasi, melalui program bina pendapatan dan bina upaya, mengukuhkan jaringan keselamatan sosial dan menangani keperluan kumpulan kurang bernasib baik. Agenda untuk melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang kukuh dan dinamik serta pegangan ekuiti dan sumber kekayaan yang lain akan diteruskan dengan pendekatan baharu, sejajar dengan persekitaran global dan keutamaan negara pada masa kini.

Dalam melaksanakan Rancangan ini, keputusan kritikal untuk membawa perubahan perlu diambil. Justeru, saya menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berganding bahu dan memberikan sepenuh usaha dalam merebut peluang yang ada untuk melakukan perubahan yang sukar ini demi masa hadapan negara dan generasi akan datang.



**DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK**

Perdana Menteri Malaysia

Putrajaya

10 Jun 2010

# RINGKASAN EKSEKUTIF RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH

## **1 MALAYSIA: MENCARTA PEMBANGUNAN KE ARAH NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI**

Strategi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015 dirangka bagi mencarta perjalanan pembangunan negara ke arah mencapai Wawasan 2020. Tema dan pendekatan baru RMKe-10 dirumuskan dalam bentuk 10 idea utama, seperti berikut:

### **1. Ekonomi dipacu oleh faktor dalam negeri di samping mengambil kira persekitaran luar negara**

Faktor dalaman merupakan penentu penting hala tuju pembangunan ekonomi negara. Oleh itu, faktor seperti sumber asli, modal insan dan kepakaran serta modal tempatan perlu digembleng secara optimum bagi memperkukuh pembangunan ekonomi. Pada masa yang sama, negara akan terus berusaha meningkatkan rangkaian perdagangan antarabangsa kerana Malaysia tidak mampu mengasingkan diri daripada arus pembangunan global dan persaingan yang bertambah sengit. Kemakmuran Malaysia hanya terjamin jika kita berdaya saing dan muncul sebagai peneraju ekonomi di peringkat global.

### **2. Memanfaatkan kepelbagaian etnik untuk mencapai kejayaan di arena antarabangsa**

Masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang etnik berupaya menjalin hubungan erat dengan negara China, India dan Indonesia,

iaitu tiga negara terbesar yang berkembang pantas di rantau ini. Justeru, gagasan 1Malaysia perlu dimanfaatkan sebagai satu kelebihan daya saing di peringkat antarabangsa. Dalam tempoh Rancangan, Malaysia akan memberi tumpuan yang lebih kepada membangunkan pasaran serantau, terutamanya dalam Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Asia dan Negara Timur Tengah. Malaysia perlu mengambil manfaat bukan sahaja daripada rakyat di dalam negara tetapi juga mewujudkan jalinan dengan rakyat Malaysia yang berada di serata dunia.

### **3. Transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi menerusi pengkhususan**

Transformasi ekonomi negara daripada negara miskin kepada yang berpendapatan sederhana telah didorong oleh strategi mempelbagaikan sektor pertumbuhan. Selanjutnya, bagi menjayakan transformasi kepada negara berpendapatan tinggi, strategi kini perlu beralih kepada pengkhususan sektor. Peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi memerlukan tumpuan kepada aktiviti berintensifkan pengetahuan. Sektor ekonomi sebegini, memerlukan skala besar dari segi pekerja mahir dan pengeluaran. Ke arah meningkatkan pengkhususan, program transformasi ekonomi negara akan memberi tumpuan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Penekanan akan diberi kepada kualiti berbanding dengan hanya mementingkan kuantiti.

#### 4. Menjayakan pertumbuhan yang diterajui oleh produktiviti dan inovasi

Pertumbuhan ekonomi negara sekian lama didorong oleh pertambahan faktor pengeluaran, iaitu melibatkan pelaburan, bahan tenaga yang murah dan pekerja berkemahiran rendah. Model ekonomi tersebut tidak mampan dalam konteks persaingan global sengit untuk faktor pengeluaran serta sumber semula jadi yang terhad. Model tersebut juga tidak konsisten dengan keperluan struktur ekonomi berpendapatan tinggi yang berasaskan pengetahuan dan aktiviti nilai ditambah tinggi. Peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi memerlukan pertumbuhan yang diterajui oleh produktiviti dan inovasi. Oleh itu, tumpuan akan diberi untuk meningkatkan produktiviti, terutamanya menerusi usaha meningkatkan kemahiran, membangunkan kluster perindustrian, menumpukan kepada pelaburan berkualiti yang menyokong aktiviti nilai ditambah tinggi serta meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Kerajaan juga akan mewujudkan persekitaran yang menggalakkan inovasi, dengan mempermudah Akta Insolvensi dan menambah dana modal teroka.



#### 5. Memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan cemerlang

Pembangunan modal insan merupakan asas utama bagi menjayakan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi. Justeru, pendekatan holistik akan diambil untuk memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan cemerlang. Dalam era globalisasi, persaingan sengit berlaku bukan sahaja untuk pelaburan (FDI), tetapi juga untuk modal insan.

Pembaharuan menyeluruh akan dilaksanakan di semua peringkat modal insan bermula dengan pendidikan di peringkat awal kanak-kanak sehingga ke alam pekerjaan. Prestasi pelajar akan diutamakan dengan meningkatkan kecemerlangan guru dan akauntabiliti guru besar dan pengetua. Latihan kemahiran akan diutamakan dengan tumpuan kepada memenuhi keperluan industri dan memacu produktiviti. Keupayaan graduan akan ditingkatkan melalui latihan industri, latihan sambil bekerja dan latihan *soft skills* agar mereka mudah mendapat pekerjaan.

#### 6. Memastikan peluang sama rata dan melindungi golongan yang mudah terjejas

Asas utama kepada gagasan 1Malaysia ialah prinsip keadilan sosial. Ini bermakna Kerajaan akan membela kepentingan setiap golongan masyarakat secara inklusif dan memastikan tiada golongan yang terpinggir daripada arus pembangunan negara. Dalam konteks Malaysia, keadilan sosial perlu mengambil kira tahap pencapaian setiap golongan masyarakat. Dengan itu, bantuan perlu diberikan kepada mereka yang memerlukannya. Program

pengagihan akan memastikan setiap rakyat dapat meraih peluang secara sama rata dalam pembangunan ekonomi.

Kerajaan terus komited untuk membantu dan menjaga kebajikan kumpulan miskin serta golongan mudah terjejas. Memandangkan Kerajaan telah berjaya mengurangkan insiden kemiskinan dengan ketara, tumpuan RMKe-10 akan beralih kepada menangani isu berkaitan isi rumah berpendapatan 40% terendah. Sehubungan ini, teras utama adalah menyediakan peluang untuk meningkatkan kapasiti golongan ini untuk mendapat pendapatan lebih tinggi, terutamanya melalui latihan kemahiran serta program keusahawanan.

Agenda Bumiputera akan terus diutamakan dengan pendekatan baru bagi memastikan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi secara berkesan dan mampan. Pencapaian Bumiputera akan dipantau dengan lebih luas, bukan hanya dari segi pemilikan ekuiti tetapi juga dalam pemilikan aset lain serta tahap penyertaan keusahawanan dan pekerjaan berpendapatan tinggi. Oleh itu, keutamaan akan diberikan kepada program membangunkan enterpris Bumiputera berdaya saing serta meningkatkan penyertaan Bumiputera di peringkat pengurusan tertinggi. Pendekatan bantuan akan berasaskan status sesuatu syarikat, iaitu bagi enterpris Bumiputera bersaiz kecil atau mikro, bantuan secara langsung akan diberikan berasaskan keperluan, manakala sokongan kepada syarikat Bumiputera yang besar adalah mengikut merit.

## 7. Pertumbuhan bertumpu, pembangunan inklusif

Persaingan bukan lagi hanya berlaku antara negara tetapi lebih antara bandar-bandar besar. Bagi ekonomi berteraskan pengetahuan aktiviti ekonomi akan lebih bertumpu di kawasan bandar yang menjadi tumpuan utama firma dan modal insan berkemahiran. Cabaran utama adalah untuk memastikan faedah kepadatan di bandar tidak terjejas berikutan masalah yang biasa dihadapi di bandar-bandar besar, terutama jenayah, pencemaran dan kesesakan.





Pendekatan pembangunan di bawah RMKe-10 akan memberi keutamaan meningkatkan kesejahteraan hidup di bandar sebagai tempat yang sesuai untuk tinggal, bekerja dan beriadah, melalui inisiatif seperti pembangunan kluster baru, menaik taraf pengangkutan awam serta pembangunan semula. Bandar raya Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya (*Greater KL*) akan dimajukan sebagai bandar bertaraf dunia.

Di samping itu, Kerajaan tidak akan mengabaikan pembangunan luar bandar, terutamanya dalam memberi akses kepada pendidikan, kemudahan utiliti dan infrastruktur serta akan merangsang aktiviti ekonomi luar bandar. Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi infrastruktur asas luar bandar akan memberi tumpuan kepada menaik taraf jalan serta memperluas liputan bekalan air dan elektrik di Sabah dan Sarawak.

## **8. Menyokong perkongsian yang pintar dan berkesan**

Perkongsian pintar dan berkesan, khususnya antara sektor awam dan swasta akan

diamalkan sebagai mekanisme penggerak agenda transformasi ekonomi. Strategi utama perkongsian pintar meliputi: *pertama*, memangkin dan mempercepat pelaburan swasta yang strategik; *kedua*, perkongsian dalam memajukan pembangunan industri; dan *ketiga*, kerjasama dalam menyokong penyampaian perkhidmatan sektor awam dan pembangunan sosial.

Inisiatif utama perkongsian awam dan swasta (PPP) dalam memangkin pelaburan swasta yang strategik ialah melalui Dana Fasilitasi berjumlah RM20 bilion, yang akan menyediakan sokongan infrastruktur serta sokongan dalam bentuk geran atau penjanjian *offtake*. Sokongan tersebut adalah bagi membantu daya saing projek pelaburan swasta yang memberi faedah sampingan yang besar bagi mempercepatkan transformasi ekonomi negara seperti infrastruktur strategik dan sektor-sektor berkaitan NKEA. Fasa baru PPP akan dilaksanakan dengan memastikan perkongsian risiko dan pulangan yang saksama. Projek seperti pembinaan lebuh raya bertol dan loji janakuasa akan dilaksanakan secara bidaan.



## 9. Menghargai khazanah alam sekitar

Tanggungjawab menjaga khazanah negara perlu dipikul bersama untuk generasi akan datang. Malaysia dianugerah dengan kekayaan alam semula jadi. Khazanah ini akan terjejas jika sumber tersebut tidak diberi nilai sewajarnya. Penetapan harga yang terlalu rendah akan mengakibatkan penggunaan sumber seperti gas dan air secara berlebihan dan tidak mampan. Pada masa yang sama, terdapat potensi besar untuk memperoleh nilai daripada khazanah alam semula jadi dan dengan itu, dapat menggalakkan usaha pemuliharaan alam sekitar. Mekanisme seperti *feed-in-tariff* dan insentif fiskal akan diperkenal untuk menggalak pelaburan berasaskan teknologi hijau.

## 10. Kerajaan umpama syarikat yang berdaya saing

Jentera Kerajaan perlu berubah seiring dengan perubahan yang berlaku dalam sektor ekonomi dan sosial negara. Untuk muncul sebagai negara berdaya saing di peringkat global dan berpendapatan tinggi, Kerajaan perlu bertindak seumpama syarikat yang berdaya saing.

Transformasi Kerajaan akan berasaskan empat prinsip utama, iaitu penyampaian berteraskan kreativiti dan inovasi; penekanan kepada kepantasan membuat keputusan dan bertindak; penyampaian berteraskan *value for money*; dan memartabatkan nilai integriti tertinggi. Prinsip tersebut akan diamalkan dalam melaksana agenda yang menjadi keutamaan Kerajaan, selaras dengan konsep 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan, Model Baru Ekonomi dan RMKe-10. Seumpama sebuah syarikat yang berdaya saing, transformasi Kerajaan

akan memberi penekanan kepada pelanggan, daya saing, pengurusan kewangan, modal insan dan organisasi.

## MEMBANGUN BERASASKAN KEKUATAN NEGARA

Malaysia telah menikmati pertumbuhan ekonomi yang membanggakan dalam beberapa dekad lalu dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar berkembang sebanyak 5.8% setahun dalam tempoh 1991-2010. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), 2006-2010, negara telah menempa kemajuan dalam pencapaian Misi Nasional ke arah mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020.


## Mengimbas Kembali: Pencapaian di bawah RMKe-9

Sungguhpun ekonomi berkembang tinggi sebanyak 5.7% setahun dalam tempoh tiga tahun pertama RMKe-9, penguncupan pada tahun 2009 telah menjejaskan pertumbuhan bagi keseluruhan tempoh Rancangan, dengan purata pertumbuhan sebanyak 4.2% setahun, seperti ditunjukkan dalam *Carta 1*. Dalam tempoh RMKe-9, sumbangan produktiviti faktor keseluruhan kepada pertumbuhan KDNK telah meningkat kepada 34.7% berbanding 29.0% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005.

Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita dianggarkan meningkat kepada RM26,420 (AS\$8,256) pada tahun 2010 berbanding RM19,079 (AS\$5,038) pada tahun 2005. Inflasi dijangka kekal rendah pada kadar purata 2.8% setahun. Kadar pengangguran pula berada pada paras 3.6% pada tahun 2010.

## Carta 1

### KDNK sebenar berkembang lebih perlahan dalam RMKe-9 berbanding RMKe-8



Pertumbuhan ekonomi diterajui oleh permintaan dalam negeri, terutamanya penggunaan swasta yang dianggar berkembang sebanyak 6.5% setahun. Pelaburan swasta pula dianggar berkembang lebih sederhana, iaitu 2% setahun berikutan kelembapan permintaan di dalam dan di luar negara. Dari segi sektor luar, kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran terus mencatatkan lebih, dianggar sebanyak 14.6% kepada PNK pada tahun 2010 berbanding 15.8% pada tahun 2005.

Semua sektor, kecuali perlombongan dan kuari, mencatatkan pertumbuhan positif. Sektor perkhidmatan kekal sebagai sumber utama pertumbuhan, dianggar berkembang pada kadar 6.8% setahun dan menyumbang kepada KDNK sebanyak 58.0% pada tahun 2010.

Defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan disasarkan mengecil kepada 5.3% kepada KDNK pada tahun 2010 berikutan usaha untuk mengurangkan defisit fiskal kepada tahap yang mampan. Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM405.1 bilion atau 52.9% kepada KDNK, yang mana kira-kira 96% daripada jumlah hutang adalah hutang dalam negeri.

### Kemajuan di bawah Misi Nasional

Pencapaian utama lima teras Misi Nasional dalam tempoh RMKe-9 adalah seperti berikut:

- **Pembasmian Kemiskinan.** Insiden miskin tegar berkurang kepada 0.7% pada tahun 2009 berbanding 1.2% pada tahun 2004. Insiden kemiskinan keseluruhan berkurang kepada 3.8% pada tahun 2009 daripada 5.7% pada tahun 2004;

- **Infrastruktur Jalur Lebar.** Kadar penembusan isi rumah kepada jalur lebar telah meningkat kepada 32% pada tahun 2009 berbanding hanya 2% pada tahun 2005;
- **Meningkatkan Kualiti dan Akses Pendidikan.** Kadar penyertaan bagi kanak-kanak berumur empat hingga lima tahun di peringkat prasekolah telah meningkat daripada 63.0% pada tahun 2005 kepada 67.6% pada tahun 2009;
- **Mewujudkan Institusi Pendidikan Tertiari Bertaraf Antarabangsa.** Anggota akademik yang mempunyai kelayakan PhD meningkat daripada 26.6% pada tahun 2005 kepada 35.9% pada tahun 2009. Seramai 4,156 pensyarah di universiti awam telah melanjutkan pengajian di peringkat PhD;
- **Penjagaan Kesihatan.** Nisbah doktor:populasi bertambah baik daripada 1:1,383 pada tahun 2006 kepada 1:1,024 pada tahun 2009. Nisbah jururawat:populasi bertambah baik daripada 1:559 pada tahun 2006 kepada 1:464 pada tahun 2009;
- **Bekalan Elektrik dan Air.** Liputan bekalan elektrik luar bandar telah meningkat, terutamanya di Sabah, daripada 74.8% pada tahun 2008 kepada 80.8% pada tahun 2010, dan di Sarawak, daripada 65.2% pada tahun 2008 kepada 72.6% pada tahun 2010. Liputan bekalan air bagi Sabah meningkat daripada 57% pada tahun 2008 kepada 62% pada tahun 2010. Manakala bagi Sarawak, daripada 58% pada tahun 2008 kepada 64% pada tahun 2010; dan
- **Liputan Rangkaian dan Kemudahan Pengangkutan Awam Bandar.** Pengguna harian kereta api di bandar meningkat daripada 447,200 pada tahun 2006 kepada 451,000 pada tahun 2009. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ditubuhkan pada Jun 2010.

### Sasaran Pertumbuhan Ekonomi dalam Tempoh RMKe-10


Ekonomi Malaysia telah kembali pulih dan negara dijangka dapat mengekalkan pertumbuhan sebanyak 6% setahun dalam tempoh RMKe-10. Kadar pertumbuhan ini adalah selaras dengan hasrat untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Oleh itu, PNK per kapita dijangka meningkat kepada RM38,845 (AS\$12,139) pada tahun 2015, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2*. Kadar pengangguran pula dijangka berkurang kepada 3.1% pada tahun 2015.

Bagi mencapai sasaran ini, satu transformasi ke arah pertumbuhan yang dipacu oleh produktiviti akan dilaksanakan, dengan sektor swasta menjadi peneraju utama pertumbuhan dan inovasi. Sasaran pertumbuhan RMKe-10 akan disokong oleh permintaan dalam negeri, terutamanya daripada pelaburan swasta yang lebih dinamik.

Pelaburan swasta disasar berkembang pada kadar 12.8% setahun atau jumlah pelaburan sebanyak RM115 bilion setahun pada harga semasa. Pelaburan awam pula disasar tumbuh lebih perlahan sebanyak 5.0% setahun dalam RMKe-10. Dalam tempoh yang sama, eksport barangan dan perkhidmatan disasar berkembang 7.2% setahun.

## Carta 2

KDNK disasar berkembang 6% setahun bagi mencapai status negara maju dengan defisit fiskal semakin mengecil



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia dan IMF WEO April 2010

Sektor perkhidmatan dijangka kekal menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan dengan sasaran pertumbuhan 7.2% setahun, dipacu oleh subsektor kewangan dan perkhidmatan perniagaan, perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran serta pengangkutan dan komunikasi. Sektor pembuatan pula dijangka berkembang lebih cergas pada kadar 5.7% setahun, disumbang terutamanya oleh subsektor elektrik dan elektronik. Pertumbuhan sektor pertanian disasar sebanyak 3.3% setahun.

Defisit fiskal keseluruhan Kerajaan Persekutuan disasar berkurang daripada 5.3% kepada KDNK pada tahun 2010 kepada 2.8% pada tahun 2015. Hutang Kerajaan Persekutuan pula disasar berkurang daripada 52.9% kepada KDNK pada tahun 2010 kepada 49.9% pada tahun 2015.

Peruntukan pembangunan RMKe-10 berjumlah RM230 bilion, yang mana RM126.5 bilion (55%) diperuntukkan kepada sektor ekonomi, RM69 bilion (30%) kepada sektor sosial, RM23 bilion (10%) bagi sektor keselamatan dan RM11.5 bilion (5%) bagi pentadbiran am. Peruntukan pembangunan akan dilaksanakan secara *rolling* setiap dua tahun dan di bawah *rolling plan* pertama, sejumlah RM91 bilion akan diperuntukkan bagi tempoh 2011-2012. Perbelanjaan pembangunan merupakan instrumen penting untuk menyokong peralihan ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Oleh itu, perbelanjaan pembangunan akan mengutamakan program bukan fizikal seperti dana, peruntukan untuk R&D dan program latihan kemahiran yang akan menerima peruntukan 40% dalam RMKe-10 berbanding dengan 22% dalam RMKe-9.

## Melangkah ke Hadapan

Malaysia dapat dibangun berasas kepada kekuatan yang dimiliki dari segi asas sumber, infrastruktur yang baik dan ketekunan tenaga kerja dalam memacu negara ke hadapan. RMKe-10 menyediakan satu rangka kerja dasar dan strategi baru bagi mencapai status sebuah negara maju menjelang 2020 dengan berkonsepkan 1Malaysia dan dibina berasaskan Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi, seperti ditunjukkan dalam *Carta 3*.

## MEWUJUDKAN PERSEKITARAN UNTUK MENJAYAKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan teguh untuk jangka panjang, beberapa cabaran struktur perlu ditangani. Dalam hubungan ini, Malaysia masih


ketinggalan dari segi pertumbuhan pelaburan dan produktiviti, berbanding beberapa negara serantau seperti ditunjukkan dalam *Carta 4*. Sumbangan pelaburan swasta kepada KDNK kini jauh lebih rendah berbanding tahap pelaburan sebelum 1997. Malaysia juga menghadapi persaingan sengit daripada negara serantau khususnya dalam usaha menarik pelaburan.

Transformasi persekitaran untuk pertumbuhan ekonomi perlu dilaksanakan bagi membolehkan peningkatan daya tahan dan produktiviti. Antara cabaran utama adalah untuk beralih daripada ekonomi yang bersaing berdasarkan kos dan sumber asli kepada ekonomi yang dipacu oleh produktiviti dan inovasi. Peralihan ini juga berupaya memupuk, menarik serta mengekalkan modal insan berbakat, syarikat dan modal.

Bagi mencapai taraf ekonomi berpendapatan tinggi, Malaysia perlu beralih daripada

### Carta 3

RMKe-10 akan menggembeng usaha untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi



## Carta 4

## Pertumbuhan produktiviti Malaysia menurun pasca 1997

Pertumbuhan produktiviti buruh negara Asia terpilih, purata perubahan tahunan (%)		
	1987-97	1998-2007
China	4.5	9.2
India	3.5	4.4
NIE Asia	4.8	3.4
Thailand	5.2	3.1
Indonesia	3.1	3.0
Malaysia	5.5	2.9
Singapura	4.5	2.4
Filipina	-0.7	2.3

Sumber pertumbuhan bagi produktiviti buruh Malaysia, purata perubahan tahunan (%)		
	1987-97	1998-2007
Produktiviti buruh	5.5	2.9
▪ Modal	3.4	1.0
▪ Pendidikan	0.3	0.3
▪ Tanah	0	-0.1
Produktiviti faktor keseluruhan	1.7	1.6

SUMBER: Bank Dunia, Unit Perancang Ekonomi

melaksana strategi mempelbagaikan ekonomi kepada strategi yang menumpu kepada pengkhususan dalam beberapa sektor ekonomi dan lokasi terpilih yang mana negara mempunyai kelebihan daya saing.

Bagi melakukan anjakan strategik ini, program ekonomi yang berpandangan jauh akan dilaksanakan dalam RMKe-10 berdasarkan tujuh teras strategi seperti berikut:

### Strategi 1: Mewujudkan Ekonomi Diteraju oleh Sektor Swasta

Daya kreatif dan inisiatif pihak swasta akan dipertingkatkan sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Bagi menyokong sektor swasta dan menggerakkan potensi pertumbuhannya, beberapa inisiatif akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan, iaitu:

- **Memodenkan peraturan perniagaan** dengan merasionalisasikan peraturan

sedia ada. Inisiatif ini akan diteraju oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);

- **Meliberalisasikan sektor perkhidmatan** dengan meningkatkan komitmen dalam Perjanjian Rangka Kerja ASEAN bagi Perkhidmatan (AFAS) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Malaysia akan menambah baik tawarannya meliputi perkhidmatan profesional, pendidikan, telekomunikasi dan pelancongan. Malaysia juga akan meneruskan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bagi sektor perkhidmatan dengan rakan dagang utamanya. Langkah ini akan membantu meningkatkan sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK, seperti ditunjukkan dalam *Carta 5*;
- **Menghapuskan *market distortion* melalui rasionalisasi subsidi** dan mengurangkan kawalan harga ke atas industri dan pengguna secara

berperingkat untuk mencapai harga pasaran. Rasionalisasi subsidi bertujuan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan perkhidmatan tanpa mengurangkan standard perkhidmatan;

- **Memperkenalkan Undang-undang Persaingan** untuk menggalakkan lebih banyak persaingan dalam pasaran domestik demi menarik dan mengekalkan paras pelaburan swasta yang tinggi. Undang-undang ini diperkenal untuk mengawal semua syarikat termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) daripada amalan anti persaingan; dan
- **Menambah baik *interface* di antara Kerajaan dengan perniagaan** bagi menjadikan Malaysia lebih menarik sebagai tempat melabur dan menjalankan perniagaan.

## Strategi 2: Menyokong Pertumbuhan Diteraju Inovasi


Inovasi merupakan faktor utama untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi. Melalui inovasi dan ekploitasi idea baru, tambahan nilai boleh diperolehi dengan menggunakan jumlah modal dan sumber manusia yang sama. Terdapat pelbagai bentuk inovasi, contohnya, penambahbaikan produk, proses dan struktur organisasi. Dasar inovasi akan digubal semula demi menyediakan persekitaran perniagaan yang cekap, fleksibel dan rancak.

Kerajaan akan mengambil tindakan berterusan untuk memperkukuh sistem inovasi Malaysia melalui empat dimensi utama:

- **Membentuk persekitaran bagi menyokong inovasi** yang meliputi

Carta 5

Perkhidmatan dijangka meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 7.2% bagi tempoh 2011-2015



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi



pembangunan sumber manusia, pelaburan dalam infrastruktur inovasi dan memupuk penerokaan bidang baru melalui inkubator;

- **Mewujudkan peluang inovasi** dengan memberi insentif kepada syarikat Malaysia dan menggunakan peraturan serta perolehan awam untuk melabur dalam inovasi;
- **Menyediakan pemboleh inovasi** dengan memperkukuh struktur institusi inovasi dan rejim harta intelek (IP); dan
- **Membiaya inovasi** dengan memperkenalkan kaedah pembiayaan baru bagi syarikat teroka awam dan menggalakkan lebih banyak penyertaan sektor swasta.

### **Strategi 3: Merasionalisasi Peranan Kerajaan dalam Perniagaan**

Bagi meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam ekonomi, langkah akan diambil untuk merasionalisasi penglibatan Kerajaan dan GLC dalam perniagaan. Tiga inisiatif utama akan dilaksanakan bagi tujuan ini, iaitu:

- **Meningkatkan program penswastaan dan PPP** bagi meningkatkan pelaburan swasta di dalam ekonomi, menambahbaik kecekapan penyampaian perkhidmatan serta mengurangkan beban kewangan Kerajaan;
- **Menubuhkan Dana Fasilitas** sebanyak RM20 bilion untuk memudahkan



pelaburan sektor swasta dalam projek yang mempunyai nilai strategik kepada negara dan kesan pengganda yang tinggi; dan

- **Mencapai keseimbangan yang sesuai antara Kerajaan, GLC dan sektor swasta** untuk mempercepat pelaburan sektor swasta dan mewujudkan platform yang berkesan bagi syarikat Malaysia bersaing di peringkat serantau dan global.

#### Strategi 4: Membangunkan EKS Sebagai Jentera Pertumbuhan dan Inovasi

Kerajaan komited dalam usaha menyerlahkan potensi pertumbuhan dan inovasi Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) sepanjang tempoh Rancangan bagi melahirkan juara domestik, serantau dan global. Bagi tujuan ini, inisiatif seperti berikut akan diambil:

- **Mengurangkan kos kawal selia yang ditanggung EKS** bagi menggalakkan aktiviti keusahawanan. Kerajaan akan mengecualikan beberapa peraturan perniagaan bagi EKS yang mempunyai lima orang pekerja atau kurang;
- **Membina keupayaan dan kebolehan EKS** dengan mengadakan latihan kemahiran;
- **Menyokong pewujudan budaya keusahawanan** bagi menambah bilangan perniagaan baru dan menggalakkan budaya keusahawanan di Malaysia;
- **Mengukuh sistem sokongan EKS** melalui promosi pensijilan kualiti *National Mark*, pengenalan 1-InnoCERT dan mempertingkatkan liputan SME Corp. Malaysia; dan

- **Meningkatkan akses EKS kepada pembiayaan** dengan melaksanakan beberapa program seperti modal teroka, ekuiti persendirian, pinjaman mudah, Skim Jaminan Modal Kerja dan perkhidmatan nasihat kewangan. Penggunaan *SME Competitive Rating for Enhancement* akan digalakkan bagi menilai kebolehpercayaan kredit EKS.

#### Strategi 5: Bersaing di Peringkat Global

Malaysia beroperasi dalam persekitaran serantau dan global yang semakin kompetitif. Sebagai sebuah ekonomi kecil, kejayaan Malaysia untuk mencapai sasaran pertumbuhan akan ditentukan oleh keupayaannya untuk bersaing bagi pasaran eksport, pelaburan asing dan modal insan. Dalam tempoh Rancangan, tumpuan akan diberikan kepada:

- **Bersaing dalam pasaran global** untuk memastikan Malaysia berjaya dalam perdagangan antarabangsa dengan memperluas pasaran eksport, membantu syarikat Malaysia menembusi pasaran eksport dan merancak momentum perdagangan melalui FTA; dan
- **Bersaing hebat untuk menarik modal insan cemerlang dan pelaburan asing ke Malaysia** dengan meningkatkan daya tarikan Malaysia.

#### Strategi 6: Mewujudkan Infrastruktur Bertaraf Dunia Untuk Menyokong Pertumbuhan dan Meningkatkan Produktiviti

Sebuah negara maju berpendapatan tinggi memerlukan infrastruktur bertaraf dunia untuk

menyokong aktiviti ekonomi. Dalam tempoh Rancangan, pelaburan yang berterusan untuk menambah baik kualiti infrastruktur akan dilaksana seperti berikut:

- **Meningkatkan penembusan jalur lebar isi rumah** kepada 75% menjelang akhir tahun 2015;
- **Meneruskan usaha menaik taraf infrastruktur fizikal untuk menambah baik akses dan perhubungan** dengan rangkaian pengangkutan pelbagai mod, projek landasan kereta api berkembar elektrik, menaik taraf infrastruktur maritim dan meningkatkan kapasiti lapangan terbang; dan
- **Menjamin pemerolehan dan pembekalan tenaga yang efektif** berlandaskan Dasar Baru Tenaga.

## Strategi 7: Memberi Tumpuan kepada Jentera Pertumbuhan Utama

Kriteria utama dasar ekonomi dalam tempoh Rancangan adalah tertumpu kepada pertumbuhan dalam bidang berpotensi tinggi yang memberi impak kepada ekonomi. Ke arah mencapai matlamat ini, keutamaan akan diberikan kepada:

- Memacu pertumbuhan melalui aglomerasi bandar;
- Memberi tumpuan kepada koridor sekitar kluster; dan
- NKEA merangkumi 11 sektor ekonomi dan satu kawasan geografi, seperti ditunjukkan dalam *Carta 6*.

Carta 6

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) terpilih yang memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi



## MENUJU KE ARAH PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI YANG INKLUSIF

Sejak empat dekad yang lalu, dasar ekonomi yang digubal berteraskan kepada falsafah pertumbuhan dengan pengagihan, telah mempamerkan prestasi ekonomi yang cemerlang. Dasar ini telah menghasilkan pengurangan insiden kemiskinan yang ketara daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 3.8% pada tahun 2009; penyertaan ekonomi yang lebih seimbang dalam kalangan semua kumpulan etnik; dan perluasan liputan perkhidmatan asas seperti kesihatan dan pendidikan ke seluruh negara. Namun, di sebalik pencapaian ini masih terdapat isi rumah dalam kumpulan yang mudah terjejas dalam kalangan rakyat.

Sehubungan itu, satu pendekatan pragmatik akan diambil untuk mencapai pembangunan ekonomi yang inklusif berdasarkan kepada empat perspektif, seperti ditunjukkan dalam *Carta 7*. **Perspektif 1Malaysia** bertujuan menyediakan peluang yang saksama kepada semua rakyat Malaysia untuk turut serta dalam pertumbuhan ekonomi. **Perspektif pendapatan** memberi tumpuan meningkatkan pendapatan purata isi rumah 40% terendah kepada RM2,300 sebulan pada tahun 2015. **Perspektif sosial** memastikan kumpulan yang kurang mendapat manfaat pembangunan diberi sokongan sewajarnya untuk menjadi ahli yang dihargai oleh masyarakat. **Perspektif geografi** memastikan rakyat, tanpa mengira lokasi, berpeluang menikmati akses yang saksama kepada infrastruktur dan perkhidmatan asas.

Carta 7

### Pendekatan pembangunan inklusif



RMKe-10 akan menerapkan semangat 1Malaysia bagi mewujudkan masyarakat yang adil dan saksama dengan menjadikan perpaduan nasional sebagai matlamat utama. Sejalan dengan ini, pelbagai program di bawah Rancangan akan dilaksanakan berdasarkan kepada empat prinsip utama, iaitu:

- **Mesra pasaran** yang membolehkan sumber digembleng secara optimum dan tidak menyebabkan *market distortion*;
- **Berdasarkan keperluan** bagi isi rumah 40% terendah mendapat manfaat daripada pembangunan sosioekonomi;
- **Berasaskan merit** yang menggalakkan persaingan dan menyediakan peluang kepada individu dan perniagaan yang paling layak; dan


- **Ketelusan** dalam mewujudkan dasar, prosedur dan kriteria yang jelas.

Dalam tempoh Rancangan, beberapa strategi utama akan dilaksanakan bagi memastikan peluang untuk menyertai aktiviti ekonomi secara saksama ke arah mencapai pembangunan sosioekonomi secara inklusif, iaitu seperti berikut:

### Strategi 1: Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah 40% Terendah

Dalam tempoh RMKe-10, tumpuan akan diberi kepada usaha meningkatkan tahap pendapatan isi rumah 40% terendah, iaitu isi rumah yang mempunyai jumlah pendapatan kurang daripada RM2,300 sebulan. Isi rumah ini layak diberi sokongan berasaskan keperluan tanpa mengira etnik atau lokasi, seperti ditunjukkan dalam *Carta 8*. Tiga pendekatan akan diguna pakai, iaitu:

**Carta 8**



- Menyediakan sokongan bagi membina keupayaan dan meningkatkan potensi menjana pendapatan melalui pendidikan dan keusahawanan;
- Menangani keperluan taraf hidup semasa dengan meningkatkan akses kepada kemudahan asas; dan
- Melaksana program khusus untuk kumpulan sasar yang mempunyai keperluan tertentu.

Usaha untuk membantu isi rumah 40% terendah akan memberi tumpuan kepada empat program utama, iaitu:

- Meningkatkan potensi menjana pendapatan;
- Membantu kanak-kanak untuk mempertingkatkan pencapaian pendidikan dan kemahiran;
- Memperkukuh jaringan keselamatan sosial untuk membantu kumpulan yang kurang mendapat manfaat daripada pembangunan sosioekonomi; dan
- Menangani keperluan kumpulan sasar khusus melalui pelaksanaan program bersepadu untuk masyarakat Bumiputera di Sabah dan Sarawak, terutamanya etnik minoriti, serta masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, penduduk di kampung baru Cina dan pekerja ladang yang sebahagian besarnya berketurunan India.

## Strategi 2: Meningkatkan Penyertaan Bumiputera dalam Ekonomi

Agenda pembangunan Bumiputera akan terus menjadi salah satu teras utama dalam tempoh Rancangan. Pendekatan tersebut meliputi inisiatif bagi menangani penyertaan Bumiputera yang tidak seimbang dalam guna tenaga; pemilikan aset yang rendah seperti hartanah dan ekuiti korporat; dan penyertaan enterpris Bumiputera yang terhad dalam aktiviti nilai ditambah tinggi.

Strategi dan instrumen bagi agenda pembangunan Bumiputera akan diperkukuh ke arah mewujudkan penyertaan yang ketara dan berkesan, pemilikan berkekalan dan penguasaan berkesan Bumiputera dalam sektor ekonomi. Sasaran untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dalam ekonomi di peringkat makro akan terus kekal. Tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk menggalakkan penyertaan ekonomi secara tulen selaras dengan objektif untuk mencapai pertumbuhan yang tinggi dan mampan. Matlamat ini akan dicapai melalui instrumen yang lebih telus, mesra pasaran dan berasaskan merit.

Dalam tempoh Rancangan, inisiatif bagi agenda pembangunan Bumiputera akan berdasarkan kepada tiga program utama, iaitu:

- Memperkukuh keusahawanan Bumiputera bagi mewujudkan perniagaan untuk menjadi peneraju industri yang lebih kukuh dan berdaya saing dalam sektor berimpak tinggi serta mengukuhkan kemampuan dan keupayaan usahawan dalam sektor nilai ditambah tinggi;

- Memperluas dan mempertingkatkan kekayaan Bumiputera bagi memastikan pemilikan secara kekal dan berterusan, berdasarkan pendekatan penggemblerangan dana dan pemilikan aset melalui institusi termasuk hartanah; dan
- Menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan berpendapatan tinggi melalui peningkatan keupayaan dan insentif permintaan pasaran.

### **Strategi 3: Memastikan Akses kepada Infrastruktur Fizikal Asas Dapat Dinikmati oleh Semua Rakyat**

Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan memastikan supaya rakyat mendapat akses yang saksama kepada infrastruktur dan kemudahan asas yang disediakan. Tumpuan akan diberikan untuk menambah dan menaik taraf rangkaian jalan luar bandar yang berkualiti dan mengurangkan kos penyelenggaraan melalui teknologi baru. Sepanjang 6,312 kilometer jalan berturap akan dibina di Semenanjung Malaysia, 2,540 kilometer di Sabah dan 2,819 kilometer di Sarawak yang memberi faedah kepada 3.3 juta penduduk di seluruh negara. Liputan bekalan air dirawat di kawasan luar bandar akan dipertingkatkan dan dinaik taraf di samping menyediakan saluran paip dan loji rawatan air baru. Bekalan elektrik luar bandar pula akan diperluas liputannya melalui grid nasional dan sistem alternatif seperti hidro-mini dan solar hibrid. Selain daripada itu, usaha akan terus diambil untuk menyediakan ameniti sosial, kemudahan sanitasi dan sukan serta kawasan rekreasi kepada penduduk luar bandar untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.

### **Strategi 4: Membina Masyarakat yang Lebih Progresif dan Inklusif**

Masyarakat progresif merupakan masyarakat yang mengimbangkan keperluan peribadi dan kebebasan awam untuk memastikan hak warga negara adalah didukung dan dihormati. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan masyarakat yang inklusif dan menggalakkan penglibatan aktif semua ahli masyarakat termasuk wanita, belia, kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan unit keluarga.

Dalam tempoh Rancangan, agenda memperkasakan wanita akan diberi tumpuan dengan meningkatkan usaha bagi merealisasikan sepenuhnya potensi wanita dan meningkatkan penyertaan dalam pembangunan ekonomi dan sosial secara lebih berkesan. Kerajaan akan menggalakkan lebih ramai wanita untuk menyertai tenaga kerja serta meningkatkan kualiti dengan menambah bilangan wanita sebagai pembuat keputusan. Langkah juga akan diambil untuk menyediakan belia bagi menyumbang ke arah pembangunan negara secara berkesan melalui peningkatan kemahiran yang bersesuaian, penerapan nilai-nilai murni dan pemikiran positif untuk memastikan kejayaan mereka.

Keutamaan akan diberi kepada perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak dengan memperkukuh institusi keluarga dan bantuan kebajikan, perlindungan dan pembangunan kanak-kanak. Langkah ini termasuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan memperkukuh program sokongan yang berkaitan seperti khidmat penjagaan kanak-kanak, kemudahan dan institusi kebajikan dan mempertingkatkan peranan

masyarakat untuk melindungi kepentingan kanak-kanak. Di samping itu, penjagaan kesihatan dan kesejahteraan warga emas akan terus diberi penekanan supaya dapat menjalani kehidupan dengan berdikari dan lebih bermakna.


Penglibatan OKU dalam aktiviti pembangunan merupakan elemen penting bagi masyarakat progresif. Dalam tempoh Rancangan, tumpuan akan diberi kepada OKU supaya mereka boleh berdikari, produktif dan menjadi penyumbang yang dihargai dalam pembangunan. Di samping itu, pembangunan institusi keluarga juga akan diberi perhatian penting bagi menerap nilai kekeluargaan yang positif, perkongsian tanggungjawab dalam kalangan ahli keluarga dan institusi perkahwinan yang kukuh.

## MEMBANGUN DAN MENGEKALKAN MODAL INSAN BERTARAF DUNIA

Pembangunan modal insan merupakan elemen kritikal dalam mentransformasikan Malaysia daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi. Bagi merapatkan jurang untuk mencapai modal insan bertaraf dunia, Kerajaan akan melaksanakan perubahan menyeluruh di setiap peringkat pembangunan modal insan, iaitu daripada menambah baik pendidikan awal kanak-kanak sehingga peningkatan kemahiran tenaga kerja sedia ada. Dalam tempoh RMKe-10, pembangunan modal insan akan dilaksana berpandukan rangka kerja yang bersepadu, seperti ditunjukkan dalam *Carta 9*. Antara strategi utama yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

**Carta 9**

### Rangka kerja pembangunan modal insan yang bersepadu



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi



### **Strategi 1: Merombak Sistem Pendidikan untuk Meningkatkan Prestasi Pelajar dengan Signifikan**

Dalam usaha untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti dan merapatkan jurang pencapaian, sistem pendidikan akan dirombak semula bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak. Usaha ini akan berpandukan kepada Falsafah Pendidikan Negara, yang telah menjadi asas kepada semua usaha transformasi pendidikan. Kerajaan akan memberi tumpuan untuk meningkat dan memperluas pendidikan awal bagi menyediakan asas yang kukuh supaya tidak ada kanak-kanak yang ketinggalan. Sehubungan ini, program pembangunan awal kanak-kanak yang berumur empat tahun dan ke bawah (PERMATA) akan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia supaya pelaksanaannya dapat diperkemas, yang mana sebanyak 181 pusat PERMATA tambahan akan dibina dalam tempoh Rancangan. Di samping itu, kadar enrolmen prasekolah dalam kalangan kanak-kanak berumur empat dan lima tahun juga akan ditingkatkan daripada 67% pada tahun 2009 kepada 87% pada tahun 2012. Selaras dengan amalan di beberapa buah negara maju, Kerajaan juga akan mengurangkan umur bagi memulakan persekolahan formal daripada 6+ kepada 5+. Pelaksanaannya akan dilakukan secara berperingkat dan akan dimulakan dengan sekolah di kawasan luar bandar dan perladangan, terutamanya sekolah kurang murid. Program Penyaringan Literasi dan Numerasi (LINUS) yang bertujuan memastikan semua pelajar menguasai asas kemahiran literasi dan numerasi selepas tiga tahun pertama pendidikan sekolah rendah akan dilaksanakan. Usaha ini akan mengurangkan masalah murid tercicir dalam jangka panjang.

Dalam tempoh Rancangan, Program Pembangunan Prestasi Sekolah akan dilaksanakan sebagai usaha mempertanggungjawab sekolah terhadap prestasi pelajar. Program ini akan menilai dan menaraf sekolah dengan tujuan untuk mendorong semua sekolah awam di Malaysia meningkatkan prestasi pelajar. Sekolah berprestasi rendah yang amat memerlukan bantuan akan diberi keutamaan. Kerajaan juga akan membangunkan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), iaitu sekolah yang mempunyai etos, sifat dan identiti yang unik yang akan menjadi model kepada sekolah lain untuk mencapai kecemerlangan prestasi.

Peningkatan pencapaian pemimpin sekolah mempunyai kesan positif yang signifikan ke atas pencapaian pelajar. Sehubungan itu, Kerajaan memperkenalkan pendekatan baru bagi pengurusan pencapaian (Tawaran Baru) untuk guru besar dan pengetua yang memberi ganjaran kewangan dan bukan kewangan bagi mereka yang berprestasi cemerlang. Bagi mereka yang berprestasi rendah pula, program latihan pembangunan dan pemulihan akan disediakan. Kerajaan juga akan terus mengukuhkan latihan kepimpinan dan sokongan dengan meningkatkan keupayaan Institut Aminuddin Baki untuk melatih pengetua sekolah dan pegawai pendidikan.

Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan mengambil pendekatan yang sistematik untuk meningkatkan kualiti guru baru serta menambah baik kualiti dan profesionalisme guru sedia ada. Syarat kemasukan yang ketat akan diperkenalkan bagi menjadikan keguruan sebagai profesion yang hanya menerima calon terbaik. Sistem terbuka pula akan diperkenalkan bagi memperluas pengambilan guru kepada

universiti swasta selain daripada institusi pendidikan tinggi awam dan Institut Pendidikan Guru. Hanya guru pelatih yang memperoleh pencapaian terbaik dan berkelayakan akan dilantik sebagai guru. Selain itu, kualiti guru dalam perkhidmatan akan terus ditingkatkan melalui peningkatan peratus guru berijazah di sekolah.

Pendekatan yang lebih inovatif akan diguna pakai untuk memastikan penyampaian sistem pendidikan dilaksanakan dengan efektif. Kerajaan akan melaksana *Service Line* yang khusus untuk membantu sekolah yang memerlukan bimbingan. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah akan diganti dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah pada 2011 dan ini akan diikuti dengan kurikulum baru untuk sekolah menengah. Penyediaan pendidikan oleh sektor swasta di semua peringkat akan ditingkatkan melalui kaedah PPP. Kerajaan juga akan memperkenalkan rangka kerja Sekolah Amanah (*Trust School*) kepada sekolah awam yang terpilih.

Segala perubahan ke atas sistem pendidikan ini dijangka memberi impak besar kepada prestasi pelajar. Namun begitu, mengambil kira jurang kemudahan pendidikan yang masih ada, Kerajaan juga akan terus memberi keutamaan kepada pembangunan kemudahan dan infrastruktur bagi sekolah yang amat memerlukan sokongan seperti sekolah di luar bandar di Sabah dan Sarawak.

## **Strategi 2: Meningkatkan Kemahiran Rakyat Malaysia untuk Meningkatkan Keupayaan Mendapat Kerja**

Pada masa kini, peratusan pekerja berkelayakan tertuari masih rendah. Di samping itu, keupayaan


siswazah mendapat pekerjaan juga rendah. Justeru, peningkatan kemahiran secara radikal perlu dilaksanakan dengan mengarusperdana pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) manakala kompetensi siswazah akan dipertingkatkan sebagai persediaan untuk memasuki pasaran pekerjaan.

Enrolmen dalam TEVT akan ditambah dan kualiti latihan secara keseluruhan akan dipertingkatkan. Pendekatan dwi-laluan pendidikan yang membenarkan pertukaran aliran antara TEVT dengan aliran akademik akan diperkembang, seperti ditunjukkan dalam *Carta 10*. Kempen kesedaran di peringkat nasional yang disasarkan kepada pelajar dan ibu bapa akan dilaksanakan untuk menambah baik persepsi terhadap TEVT. Program sangkutan industri dan pekerjaan kepada pelajar lepasan institusi TEVT juga akan disediakan. Pensijilan TEVT akan diseragamkan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) akan diguna pakai sebagai persijilan kebangsaan. Lembaga Teknologis Malaysia akan ditubuhkan bagi menjalankan pengiktirafan terhadap persijilan teknikal. Laluan kemajuan kerjaya tenaga pengajar TEVT akan diperkemas untuk menjadikannya sebagai kerjaya pilihan yang menarik kepada tenaga pengajar yang berprestasi tinggi. Kapasiti pusat latihan tenaga pengajar akan dipertingkatkan bagi melatih dan menyediakan lebih ramai tenaga pengajar yang berkualiti.

Keupayaan mendapat pekerjaan, kekurangan dan ketidakpadanan kemahiran siswazah masih menjadi isu utama dalam pembangunan modal insan negara. Oleh itu, usaha bersepadu akan diambil untuk mempertingkatkan kompetensi siswazah melalui pendekatan program penempatan industri, perkongsian awam-swasta dalam penyediaan kursus dan

Carta 10

### Mengarusperdana pendidikan teknikal dan latihan vokasional: dwi-laluan ke arah mendapat pekerjaan



latihan industri, dan penambahan kursus berorientasikan pasaran. Program latihan industri untuk staf akademik akan dipergiat bagi memastikan mereka mengikuti latihan industri. Selain daripada itu, semua politeknik di Malaysia akan disusun semula untuk menawarkan kursus di peringkat diploma dan ijazah.

Sistem Penarafan Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA) akan diperluas kepada semua institusi tertiar swasta yang menawarkan pengajian di peringkat ijazah. Penilaian SETARA akan juga digunakan dalam pembaharuan kontrak naib canselor dan pembiayaan oleh Kerajaan kepada universiti. Penyemakan semula kurikulum supaya selaras dengan keperluan industri dan majikan akan dijalankan. Kurikulum institusi tertiar akan turut menekankan pembangunan *soft skills*.

### Strategi 3: Menyusun Semula Pasaran Pekerjaan untuk Menjadikan Malaysia Negara Berpendapatan Tinggi

Usaha akan diambil untuk mengkaji semula undang-undang perburuhan supaya selaras dengan ekonomi berasaskan pengetahuan dan cabaran globalisasi. Bagi menyokong matlamat menjadikan negara berpendapatan tinggi, pewujudan pasaran pekerjaan yang efisien untuk membangun, menarik dan mengekalkan modal insan berkepakaran adalah penting. Kerajaan akan mengambil langkah untuk meningkatkan kecekapan penyelesaian pertikaian tenaga kerja di Malaysia. Tabung Bantuan Kehilangan Pekerjaan akan diperkenal bagi menyediakan bantuan kewangan kepada pekerja yang diberhentikan dan tidak mendapat pampasan sewajarnya.

Kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing tidak mahir telah menyebabkan kadar upah kekal rendah dan mengakibatkan pengaliran keluar berterusan modal insan tempatan. Faktor ini juga telah melambatkan syarikat beralih kepada aktiviti nilai ditambah yang tinggi. Kemasukan pekerja asing tidak mahir telah meningkat kepada 1.9 juta orang pada tahun 2009. Kebergantungan kepada pekerja asing tidak mahir akan dikurangkan secara berperingkat berdasarkan keperluan sebenar industri. Untuk itu, sistem levi pelbagai tingkat (*multi-tier*) akan dilaksanakan bagi menggalakkan majikan mengambil lebih ramai pekerja berkemahiran tinggi. Kerajaan juga akan memperkenalkan Peraturan Kerja Separa Masa di bawah Akta Kerja 1955 bertujuan menggalakkan penyertaan lebih besar dalam kalangan penduduk yang berada di luar pasaran pekerjaan seperti suri rumah, pesara dan OKU.

Pada masa ini, hanya 77% tenaga kerja mempunyai pendidikan setakat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh itu, Kerajaan akan menggalakkan tenaga kerja untuk terus meningkatkan kelayakan dan keupayaan ke tahap yang lebih tinggi melalui pelbagai program latihan kemahiran yang akan melibatkan pihak industri. Selain daripada itu, Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (*Recognition of Prior Learning*) akan diperluas dengan mengiktiraf pengalaman terdahulu dan kepakaran pekerja serta menggalak dan memberi ganjaran terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Kolej komuniti pula akan menyediakan pendidikan lepasan menengah dalam pelbagai kursus teknikal dan vokasional mengikut Kerangka Kelayakan Malaysia.

Dalam tempoh Rancangan, program akan diperkenal bagi menggalakkan penyertaan industri supaya bersama menaja pekerja mereka untuk melanjutkan pengajian ke program PhD perindustrian. Program ini akan melibatkan latihan dan penyelidikan projek yang berkaitan dengan pekerjaan serta berfokus kepada keperluan industri. Di samping itu, program Peningkatan Kemahiran Perindustrian (INSEP) yang merupakan program *bridging* akan dilaksanakan oleh pusat pembangunan kemahiran negeri. Skim Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah juga akan terus dilaksanakan dan diperluas bagi meningkatkan peluang siswazah untuk mendapat pekerjaan.

Insentif dan suasana pekerjaan akan ditambah baik sebagai langkah meningkatkan lagi daya tarikan kepada modal insan asing berkepakaran. Pelajar asing yang belajar di universiti tempatan, terutamanya dalam bidang kritikal, merupakan potensi sumber modal insan berkemahiran akan dibenar untuk bekerja di Malaysia. Basiswa akan diberi kepada pelajar terbaik dari seluruh dunia untuk melanjutkan pengajian di peringkat pasca siswazah dan pasca kedoktoran di Malaysia dalam bidang kritikal selaras dengan keperluan negara dan mensyaratkan mereka berkhidmat di Malaysia. Di samping itu, langkah akan diambil untuk mendorong rakyat Malaysia yang belajar dan bekerja di luar negara kembali dan menyumbang kepada negara.

Usaha bersepadu akan diambil untuk meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi modal insan berkepakaran tinggi bagi warga tempatan dan asing. Sehubungan

ini, Kerajaan akan menambah baik prosedur penggajian modal insan berkepakaran dari luar negara dengan memudahkan pemprosesan. Sehubungan itu, *Talent Corporation (TC)* akan ditubuhkan dengan mandat untuk menarik, memotivasi dan mengekal modal insan berkemahiran yang diperlukan bagi mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi. Pelan modal insan berkemahiran yang bersepadu akan dibangunkan oleh TC dengan kerjasama sektor awam dan swasta pada tahun 2011. Program untuk menarik dan mengekal modal insan sedia ada seperti Program Menggalak Warga Negara Malaysia yang Berkepakaran yang Bekerja di Luar Negara Pulang ke Malaysia dan Program *Brain Gain* akan digabungkan di bawah TC dan diperkukuh untuk memastikan penyelarasan yang lebih baik dan lebih fokus.

Dengan langkah yang akan diambil, bermula daripada pengukuhan pendidikan awal kanak-kanak hingga kepada alam pekerjaan,



negara boleh mengeluarkan modal insan yang cemerlang untuk memenuhi keperluan negara maju menjelang tahun 2020.

## **MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KE ARAH MENINGKATKAN KUALITI HIDUP**

Kerajaan komited untuk memastikan kualiti hidup yang tinggi di kawasan bandar dan luar bandar selaras dengan aspirasi untuk menjadi sebuah negara maju. Bagi mencapai matlamat tersebut, anjakan yang signifikan diperlukan. Anjakan ini akan membolehkan negara bersaing untuk mengekal dan menarik bakat yang menjadi tunggak kepada pembentukan sebuah negara maju.

Bagi memastikan rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi dan bersaing di peringkat global untuk mengekal dan menarik bakat, strategi RMKe-10 akan menumpu kepada perkara berikut:

### **Strategi 1: Membangun Kawasan Kediaman yang Berdaya Maju dan Menarik**

Malaysia telah melalui proses pembedaan yang pesat. Strategi pertumbuhan wilayah yang seimbang telah meningkatkan kualiti hidup komuniti di negara ini. Rakyat dan aktiviti ekonomi tertumpu ke arah tempat yang berdaya maju. Menyedari hal ini, Kerajaan akan menyusun strategi untuk pertumbuhan tertumpu di konurbasi bandar.

Strategi pertumbuhan bertumpu dan pembangunan inklusif akan disokong dengan hubungan fizikal dan ekonomi yang kukuh antara kawasan bandar dan luar bandar. Dua inisiatif yang saling berkait akan dilaksanakan, iaitu:

- Membangun bandar bertaraf dunia yang berdaya maju dan sesuai didiami dengan mewujudkan bandar padat dan cekap serta menarik dan selesa bagi memenuhi harapan rakyat dan tuntutan yang lebih tinggi tanpa membelakangi kepentingan melindungi alam sekitar; dan
- Memperluas perkhidmatan asas di kawasan luar bandar bagi membolehkan integrasi ekonomi dan sosial antara kawasan bandar dengan luar bandar.

### **Strategi 2: Membangun Sistem Pengangkutan Awam yang Mengutamakan Rakyat**

Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk mempertingkatkan pengangkutan awam bandar termasuk mengadakan empat Laluan Ekspres Bas Transit di *Greater KL* bagi memendekkan tempoh perjalanan pengguna; menyediakan lapan set tren empat gerabak di laluan Transit Aliran Ringan (LRT) Kelana Jaya bagi menampung peningkatan bilangan pengguna; serta penyiapan Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) di Bandar Tasik Selatan dalam tahun 2010 dan pembinaan ITT Gombak.

Bagi menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan utama untuk semua pengguna, SPAD akan menerajui penstrukturan semula sektor pengangkutan dengan tumpuan kepada:

- Memacu pembaharuan kawal selia dan industri;
- Meningkatkan pelaburan dalam keupayaan pengangkutan sejajar dengan pertumbuhan bandar;

- Mempromosi sistem yang lancar bagi semua mod dan operator; dan
- Mewujudkan rejim pemantauan dan penguatkuasaan yang mantap.

### **Strategi 3: Mentransformasikan Penjagaan Kesihatan untuk Mempertingkatkan Kualiti dan Menyedia Akses Sejangat**

Peningkatan tuntutan ke atas kualiti penjagaan kesihatan, khususnya sistem penjagaan kesihatan awam, perubahan gaya hidup dan demografi menjadi cabaran utama dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Pembaharuan sistem penjagaan kesihatan akan dilaksanakan dengan menstruktur semula sistem penyampaian penjagaan kesihatan untuk meningkatkan kualiti dan keupayaan penjagaan serta beralih daripada strategi yang menekankan rawatan kepada pencegahan penyakit dan gaya hidup sihat. Empat bidang utama yang akan diberi penekanan adalah:

- Mentransformasikan sistem penyampaian dan meningkatkan liputan perkhidmatan penjagaan kesihatan sektor awam dan swasta. Langkah yang akan diambil termasuk memperkemas fungsi pengawalseliaan dan penyampaian perkhidmatan, penguatkuasaan akreditasi, pentauliahan dan pemberian hak praktis; dan mengkaji pilihan pembiayaan supaya penjagaan kesihatan boleh diakses dan mampu dibayar oleh orang ramai;
- Mempertingkatkan kualiti, keupayaan dan liputan infrastruktur penjagaan kesihatan dengan memperluas perkhidmatan penjagaan primer; memperkemas

penyampaian perkhidmatan, serta mempertingkatkan perkhidmatan khususnya ke kawasan yang kurang mendapat liputan;

- Peralihan ke arah kesejahteraan dan pencegahan penyakit dengan memperluas Kempen Gaya Hidup Sihat serta mewajibkan penyertaan pelajar dalam aktiviti sukan; dan
- Mempertingkatkan kualiti modal insan di sektor kesihatan dengan mengambil tenaga pakar sektor swasta untuk memberi latihan, penyumberan luar dan bekerjasama dengan institusi latihan swasta, meningkatkan peruntukan bagi latihan untuk pakar, memperluas latihan lanjutan serta pemberian ganjaran yang lebih baik.

#### **Strategi 4: Memastikan Akses kepada Perumahan Berkualiti dan Mampu Milik**

Penyediaan perumahan mampu milik yang mencukupi serta memastikan rumah dan persekitarannya selamat, sihat dan selesa merupakan isu utama yang perlu ditangani. Cabaran dalam menyediakan perumahan mampu milik yang perlu ditangani termasuk memadan penawaran dan permintaan terhadap perumahan berdasarkan lokasi dan kemampuan, meningkat kualiti perumahan yang baru dan sedia ada dan memenuhi keperluan reka bentuk yang mesra alam.

Dalam menghadapi cabaran ini, inisiatif akan ditumpukan kepada:

- Memperkemas sistem pengagihan perumahan mampu milik dengan memperkukuh peranan agensi persekutuan yang terlibat dalam penyediaan perumahan

dan mewujudkan Tabung Penyenggaraan Perumahan;

- Menyediakan perumahan berkualiti tinggi dan mesra alam; dan
- Memupuk industri perumahan yang sihat dan mampan dengan menggalakkan usaha pembangunan semula bandar melalui mekanisme penjualan *en-bloc*, menggalak penggunaan pendekatan Bina Kemudian Jual (BKJ) dan memulih projek perumahan terbengkalai.

#### **Strategi 5: Menyedia Utiliti dan Perkhidmatan Awam yang Lebih Cepak**

Penyediaan utiliti awam dari segi kualiti perkhidmatan dan liputan akan dipertingkatkan dengan tumpuan ke arah penambahbaikan penyediaan perkhidmatan yang lebih cekap dan mampan. Sehubungan itu, RMKe-10 akan memberi penekanan kepada aspek berikut:

- Mengurus sumber dan bekalan air bagi menjamin kemampanan bekalan air termasuk membangun strategi jangka panjang bagi pengurusan sumber air, menstruktur semula industri perkhidmatan air dan melindungi sungai daripada pencemaran. Sehubungan itu, Dasar Sumber Air Negara (DSAN) akan digubal bagi memastikan pengurusan sumber air yang lebih cekap dan berkesan;
- Melaksana Dasar Baru Tenaga dengan memberi penekanan kepada aspek meningkat dan mempelbagaikan keupayaan penjanaan, memperkukuh rangkaian penghantaran dan pengagihan, menstruktur semula industri bekalan elektrik serta

menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan;

- Meningkatkan penembusan jalur lebar dengan menetapkan sasaran peningkatan penembusan jalur lebar isi rumah kepada 75% menjelang akhir tahun 2015 menerusi dua inisiatif utama, iaitu Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dan Jalur Lebar untuk Orang Awam (BBGP); dan
- Menstruktur semula pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan Kerajaan Persekutuan mengambil alih pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta penguatkuasaan sepenuhnya Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 bagi memastikan perkhidmatan yang lebih cekap.

### **Strategi 6: Menjadikan Masyarakat Lebih Selamat dengan Mengurangkan Jenayah**

Usaha mengurangkan jenayah akan bertumpu ke arah mencapai tiga *outcome*, iaitu:

- Mengurangkan keseluruhan jenayah indeks, terutamanya jenayah jalanan;
- Mempertingkat persepsi awam terhadap keselamatan; dan
- Mempertingkat prestasi keseluruhan sistem keadilan jenayah.

RMKe-10 akan memperkenalkan satu pendekatan baru yang melibatkan semua pihak dalam sistem keadilan jenayah dan Kerajaan mensasar untuk mengurangkan indeks keseluruhan jenayah pada kadar purata 5% setahun.

Strategi telah dirangka bagi mengurangkan jenayah dan meningkatkan rasa selamat dalam kalangan rakyat seperti berikut:

- Meningkatkan usaha memerangi jenayah dengan menambah kehadiran polis dan inisiatif kesukarelawanan;
- Mengeratkan hubungan antara polis, orang awam dan sektor swasta melalui aktiviti kemasyarakatan serta penyertaan orang awam dalam aktiviti rondaan di kawasan kejiranan;
- Mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan terjamin melalui pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) serta Program Bandar Selamat; dan
- Meningkatkan ketelusan ke atas prestasi dan tanggapan terhadap prestasi polis.

### **Strategi 7: Menghargai Khazanah Alam Sekitar Negara**

Melangkah ke hadapan, agenda berkaitan alam sekitar berkisar kepada memelihara kepentingan rakyat, prihatin terhadap alam sekitar dan pada masa yang sama meraih faedah ekonomi daripada proses tersebut. Kerajaan juga akan mengguna pakai amalan kepenggunaan dan pengeluaran secara mampan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi tidak menyebabkan kemerosotan alam sekitar. Sehubungan itu, adalah penting untuk memastikan rakyat Malaysia memainkan peranan mengurus dengan berhemat dan memulihara sumber sedia ada untuk generasi akan datang. Ke arah itu, tumpuan akan diberi kepada dua bidang utama, iaitu:



- Membentuk strategi pembangunan kental persekitaran dengan menggunakan strategi adaptasi untuk melindungi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi daripada kesan perubahan iklim serta strategi mitigasi bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau yang antara lainnya, termasuk pembangunan sumber tenaga boleh diperbaharu dan meningkatkan kecekapan tenaga; dan
- Mempertingkatkan pemuliharaan aset ekologi negara dengan mempertingkatkan usaha pemuliharaan hutan dan hidupan liar serta memastikan penggunaan sumber yang mampan dan saksama. Usaha akan dipertingkatkan melalui penglibatan masyarakat tempatan dalam pemuliharaan alam sekitar dan memperkenalkan kerangka kerja akses dan perkongsian faedah.

## MENTRANSFORMASIKAN KERAJAAN KE ARAH MENTRANSFORMASIKAN MALAYSIA

Kerajaan akan bertindak sebagai sebuah perbadanan yang kompetitif selaras dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara berdaya saing dan berpendapatan tinggi. Justeru, pendekatan keseluruhan kerajaan (*whole-of-government approach*) akan dilaksanakan bagi memastikan isu yang melibatkan beberapa agensi ditangani dengan memberi tumpuan kepada rakyat sebagai pelanggan. Pendekatan ini memerlukan agensi bekerja merentasi sempadan portfolio di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan sebagai kerajaan yang bersepadu.

Kerajaan Malaysia akan ditransformasi kepada kerajaan yang berpegang kepada empat prinsip berikut, iaitu:

- Penyampaian berteraskan kreativiti dan inovasi;
- Penekanan kepada kepantasan membuat keputusan dan bertindak;
- Penyampaian berteraskan *value for money*; dan
- Memartabatkan nilai integriti tertinggi.

Lima strategi berikut telah digariskan ke arah transformasi kerajaan yang harus bermula sekarang.

### Strategi 1: Merangka Perkhidmatan Awam Berorientasi Rakyat dan Perniagaan

Kerajaan akan terus responsif, fleksibel dan mengamalkan pendekatan rundingan dalam menyediakan perkhidmatan kepada rakyat. Kerajaan akan melaksana beberapa inisiatif transformasi bagi memenuhi keperluan rakyat dan perniagaan, termasuk:

#### ***Mereka bentuk perkhidmatan yang cekap dan mudah kepada rakyat dan perniagaan dengan:***

- Mempertingkatkan dan memperluas usaha bagi memudahkan lagi perkhidmatan untuk rakyat, perniagaan dan perdagangan yang mana keberkesanan dan tempoh respons ditanda aras dengan amalan terbaik antarabangsa;

- Merekayasa dan menggaris arus proses dan perkhidmatan yang merentasi agensi bagi mudah digunakan dan memenuhi keperluan pengguna dengan memanfaatkan teknologi terkini;
- Meneroka saluran dan kaedah baru penyampaian perkhidmatan untuk meluaskan liputan; dan
- Memberi perhatian sewajarnya kepada aspek keselamatan dan privasi untuk melindungi data peribadi dan perniagaan bagi memperoleh kepercayaan dan keyakinan rakyat dalam menggunakan perkhidmatan.



***Mengguna pakai pendekatan rundingan serta mendapat input dan maklum balas secara proaktif dengan:***

- Memantau persepsi rakyat dan perniagaan secara berterusan menerusi tinjauan secara berkala bagi menilai sejauh mana program kerajaan diterjemah menjadi *outcome* yang dapat dilihat, disentuh dan dirasai oleh rakyat dan perniagaan;
- Mengumpul maklum balas dan idea penambahbaikan daripada kaji selidik berkenaan sebagai input bagi merangka dasar, pelan dan program pembangunan Kerajaan; dan
- Menjadikan kepuasan pelanggan sebagai komponen kepada petunjuk prestasi utama.

***Menurunkan kuasa kepada agensi penyampaian barisan hadapan bagi meningkatkan kepantasan bertindak dan membuat keputusan melalui langkah:***

- membenarkan sekolah berprestasi tinggi mengadaptasi kurikulum, kaedah pengajaran serta pemilihan dan penempatan guru. Fleksibiliti ini diiringi dengan peningkatan akauntabiliti untuk mengekalkan pencapaian cemerlang pelajar yang mana sekolah bertanggungjawab berkongsi pengetahuan dan kepakaran melalui rangkaian pementoran, sangkutan guru dan program pertukaran pelajar; dan
- Menurunkan kuasa kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sebagai agensi pusat mempromosi pelaburan yang mempunyai kuasa penuh

dalam membuat keputusan dan perundingan terus untuk projek yang disasar.

**Memperkenal konsep persaingan dan mekanisme pasaran dalam perkhidmatan awam bagi menggalakkan inovasi dan penambahbaikan termasuk:**

- Membuat penarafan balai polis secara telus berdasarkan tiga dimensi kepuasan pelanggan, iaitu masa bertindak, kemudahan membuat laporan dan keberkesanan mengurangkan jenayah;
- Membuat penarafan sekolah berdasarkan tahap prestasi dan pencapaian pelajar untuk memberi motivasi dan cabaran kepada sekolah untuk meningkatkan prestasi;
- Menyalurkan sebahagian pembiayaan berasaskan permintaan berbanding penawaran untuk menggalakkan persaingan dalam kalangan pembekal (contohnya, dalam bidang pendidikan tertiar, sebahagian pembiayaan pendidikan akan disalurkan kepada pelajar dan bukan institusi pengajian tinggi); dan
- Memperluas penarafan Pihak Berkuasa Tempatan di Sabah dan Sarawak yang berasaskan empat kriteria, iaitu keberkesanan pengurusan, kualiti perkhidmatan teras, tahap rundingan dengan komuniti dan kepuasan pelanggan.

**Membanteras rasuah bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian dengan tumpuan kepada:**

- Memperkukuh pematuhan agensi barisan hadapan menerusi pemantauan secara berkala ke atas proses penguatkuasaan

serta penyiasatan kes rasuah yang dilaporkan;

- Mempertingkatkan ketelusan dalam Kerajaan termasuk meneruskan edaran Laporan Ketua Audit Negara kepada umum dan mengamalkan ketelusan melalui portal *MyProcurement* yang akan memaparkan maklumat perolehan Kerajaan kepada rakyat;
- Mengenakan hukuman dengan cepat serta yang lebih berat untuk mencegah amalan memberi rasuah termasuk mendedahkan kepada umum maklumat terperinci individu yang didapati bersalah mengamalkan rasuah;
- Meningkatkan kesedaran awam mengenai peranan penting mereka dalam menangani rasuah;
- Menilai semula institusi utama yang memerangi rasuah bagi meningkatkan kebebasan dan pemerkasaan institusi tersebut; dan
- Memupuk sistem nilai berteraskan integriti dan moral melalui pelan tindakan Tekad Integriti yang akan diperkenal sebagai penambahbaikan kepada Tekad 2008.

**Strategi 2: Mempercepat Penyampaian Melalui Pengurusan *Outcome* Utama yang Telus dan Bertanggungjawab**

RMKe-10 merupakan titik permulaan Kerajaan merintis satu kaedah pengurusan baru. Pendekatan berasaskan *outcome* akan diguna pakai untuk perancangan, pengagihan sumber, pemantauan dan penilaian kemajuan.

Penambahbaikan ini menandakan peralihan utama dalam perancangan dan pengurusan Kerajaan bagi memastikan *value for money* dalam pelaburan awam serta mewujudkan kaitan yang kukuh antara pembiayaan dan *outcome*.

### **Pelaksanaan pendekatan berasaskan outcome**

Sumber akan diagih mengikut pendekatan berasaskan *outcome* bagi memastikan *value for money* dalam pelaburan awam serta mewujudkan kaitan kukuh antara pembiayaan dan *outcome* dengan:

- Melaksana bajet berasaskan *outcome*;
- Memperkenal pendekatan *rolling plan* setiap dua tahun dalam tempoh rancangan pembangunan lima tahun;
- Menerap pendekatan perancangan secara bersepadu; dan
- Memantau dan menilai *outcome* secara berkala.

### **Peralihan daripada pembiayaan infrastruktur fizikal kepada infrastruktur bukan fizikal bagi mencapai outcome**

Fasa transformasi Malaysia daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi memerlukan peralihan ke arah nilai ditambah yang lebih tinggi dan aktiviti pengetahuan yang intensif. Sehubungan itu, Kerajaan akan mengguna pakai strategi yang memerlukan peranan yang lebih besar oleh sektor swasta dalam menyediakan infrastruktur

dan perkhidmatan awam. Oleh itu, Kerajaan akan beralih daripada tumpuan membangun infrastruktur fizikal kepada infrastruktur bukan fizikal dengan:

- Memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran bagi meningkatkan industri ke rantaian nilai lebih tinggi;
- Menyedia sokongan pembangunan kluster industri dan ekosistem sokongan ke arah membolehkan pengkhususan dan skala ekonomi;
- Meningkatkan pelaburan dalam pemboleh inovasi, terutamanya R&D serta pembiayaan modal teroka; dan
- Membuat perolehan perkhidmatan daripada sektor swasta bagi memberi lebih fleksibiliti untuk membuat penyesuaian dan mewujudkan persaingan dalam kalangan penyedia perkhidmatan.

### **Strategi 3: Memperkukuh Peranan Kerajaan Sebagai Pemudah Cara Efektif bagi Pertumbuhan yang Dipacu Sektor Swasta**

Kerajaan telah memainkan peranan yang penting sebagai pelabur strategik utama dan peneraju ekonomi negara. Namun, dalam usaha menjadi negara yang berpendapatan tinggi, sumber, bakat, teknologi dan inovasi sektor swasta perlu digerakkan supaya menjadi jentera pertumbuhan ekonomi yang lebih ketara. Kerajaan akan berperanan sebagai pemudah cara untuk mewujudkan persekitaran yang boleh menyokong sektor swasta memacu pertumbuhan ekonomi, seperti ditunjukkan dalam *Carta 11*.

Carta 11

## Peranan Kerajaan sebagai pemudah cara yang berkesan dalam pertumbuhan yang dipacu sektor swasta

	Daripada	Kepada	Contoh bidang tumpuan
<b>Penggubalan dasar dan pengawalseliaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dasar, pengawalseliaan dan fungsi pengurusan dikendalikan oleh entiti tunggal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memisahkan badan penggubal dasar, pengawalseliaan dan badan pengendali operasi</li> <li>Pengawalseliaan mesra niaga yang kompetitif dan mengutamakan kepentingan awam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penerbangan</li> <li>Penjagaan kesihatan</li> <li>Perumahan</li> <li>Tenaga (elektrik)</li> <li>Telekomunikasi</li> </ul>
<b>Enjin ekonomi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan memainkan peranan utama sebagai pelabur dan pengendali</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan peranan sektor swasta               <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelaburan melalui perkongsian awam dan swasta (PPP)</li> <li>Penyampaian perkhidmatan barisan hadapan</li> <li>Penyumberan luar fungsi bukan utama</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pendidikan</li> <li>Penjagaan kesihatan</li> <li>Pelaburan infrastruktur berskala besar</li> </ul>
<b>Pemilikan dan pengawalan aset</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan sebagai pemilik utama aset</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurangkan pemilikan Kerajaan dalam syarikat bukan utama dan aset dengan memindahkan pemilikan kepada sektor swasta</li> <li>Mewujudkan lapangan sama rata bagi memastikan semua syarikat dapat bersaing secara adil</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurangkan pemilikan dalam syarikat GLC bukan utama</li> <li>Pelepasan nilai aset komersil yang lain</li> </ul>

### **Memperkuh peranan Kerajaan sebagai penggubal dasar dan pengawal selia bebas dengan:**

- Mewujudkan struktur yang membezakan penggubalan dasar daripada pengawalseliaan dan menetapkan akauntabiliti secara jelas;
- Mewujudkan struktur bagi menangani pertindihan bidang kuasa;
- Menambah baik penggubalan peraturan kawal selia; dan
- Meningkatkan keupayaan penggubal dasar dan pengawal selia sejajar dengan perubahan landskap setiap sektor di peringkat domestik dan global.

### **Meningkatkan peranan sektor swasta dalam pelaburan negara dan penyampaian perkhidmatan awam dengan:**

- Mempergiat penglibatan dengan sektor swasta secara langsung atau melalui persatuan industri bagi memastikan keperluan sektor swasta difahami dan diambil kira dalam menggubal dasar;
- Meningkatkan peranan sektor swasta dalam menyampaikan perkhidmatan awam secara langsung sebagai pemilik dan pengendali seperti inisiatif Sekolah Amanah; dan
- Meningkatkan penyumberan luar bagi fungsi Kerajaan yang bukan teras supaya Kerajaan dapat memberi tumpuan kepada penggubalan dasar dan strategi, peraturan dan fungsi operasi teras.

**Mengurangkan pemilikan dan kawalan Kerajaan dalam aset bukan teras secara sistematik dengan:**

- Meneruskan penswastaaan dan pelupusan aset bukan teras dan tidak kompetitif yang beroperasi dalam bidang yang terdapat pemegang saham strategik atau usahawan inovatif yang berpotensi meningkatkan nilai;
- Melepaskan pegangan Kerajaan dalam syarikat tertentu untuk mengurangkan penglibatan Kerajaan dalam aktiviti ekonomi sebagai pengoperasi; dan
- Memperkukuh peranan Kerajaan sebagai pemudah cara yang efektif dan mewujudkan persekitaran pasaran yang sama rata supaya semua syarikat dapat bersaing secara adil termasuk dalam bidang yang mana Kerajaan masih kekal sebagai pemegang saham atau pengendali.

**Strategi 4: Memacu Produktiviti bagi Memastikan Penggunaan Kewangan Awam yang Berhemat**

Kerajaan komited untuk menyampaikan *outcome* yang lebih baik kepada rakyat dan perniagaan dan sesetengah inisiatif tersebut memerlukan pembiayaan yang lebih tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga bertekad mengurangkan defisit fiskal dan mengurangkan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir tempoh Rancangan. Oleh itu, Kerajaan akan meningkatkan produktiviti dengan ketara untuk menyampaikan *outcome* yang lebih baik dengan memastikan rakyat menerima lebih nilai bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

**Mendapatkan value for money dengan meningkatkan ketelusan dan kecekapan dengan komitmen untuk mengekalkan integriti dalam kalangan semua pihak melalui langkah:**

- Melaksanakan analisis pengurusan nilai dan penilaian kos kitaran hayat bagi perolehan;
- Mengambil pendekatan keseluruhan Kerajaan secara berpusat dalam perolehan bagi mendapatkan penjimatan merentasi agensi;
- Mengkaji semula piawaian dan peraturan perolehan bagi memastikan autonomi dalam membuat keputusan perolehan dengan cepat; dan
- Memastikan kontrak diuruskan secara telus menerusi pembidaan kompetitif dan penyiaran penerima berserta nilai kontrak dalam portal *MyProcurement*.

**Menambah baik produktiviti melalui aktiviti penggabungan infrastruktur ICT keseluruhan Kerajaan**

- Memperkemas seni bina teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi mempermudah sistem, mengelak pertindihan dan memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta hubungan Kerajaan dengan rakyat dan perniagaan;
- Mempermudah dan menggabungkan operasi ICT merangkumi penyatuan dan penggunaan secara perkongsian bagi rangkaian kawasan luas (*Wide Area Network – WAN*), pusat data dan pusat pemulihan bencana serta aplikasi umum; dan

- Melaksanakan penilaian kos-faedah untuk menentukan keutamaan pelaksanaan bagi mendapat lebih nilai daripada projek ICT.

***Meluaskan asas kutipan cukai di mana kutipan cukai daripada individu dan perniagaan yang kurang dibayar daripada sepatutnya akan ditingkat melalui langkah:***

- Memperketat dan menguatkuasa peraturan berkaitan ketidakpatuhan dalam bidang khusus seperti pindahan harga dan modal tipis (*transfer pricing and thin capitalisation*);
- Memperkukuh instrumen yang dapat mengenal pasti individu dan perniagaan yang tidak mematuhi peraturan;
- Meningkatkan keupayaan dan kebolehan penguatkuasaan menerusi pengambilan kakitangan tambahan, memperbanyak latihan khusus dan meningkatkan teknik pengauditan;
- Menumpukan kempen penguatkuasaan khusus bagi individu dan perniagaan yang mempunyai tahap pematuhan yang rendah;
- Menambah baik kutipan cukai melalui peningkatan teknik kutipan; dan
- Menambah baik tempoh masa yang diambil untuk mengendali dan menyelesaikan kes cukai.

**Strategi 5: Merasionalisasi dan Membangun Kapasiti Kerajaan**

Usaha akan ditumpu untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan meningkatkan

hubungan antara Kerajaan dengan rakyat serta perniagaan. Audit yang komprehensif akan dijalankan ke atas semua organisasi dan struktur Kerajaan, merangkumi peranan, fungsi, jurang dan pertindihan untuk menjajarkan struktur kerajaan dengan keutamaan nasional. Usaha untuk membina dan mengekalkan modal insan cemerlang dalam perkhidmatan awam akan turut dilaksanakan.

***Merasionalisasi organisasi dan struktur Kerajaan sedia ada dengan:***

- Pemusatan di peringkat persekutuan bagi pengurusan sisa pepejal dan tanggungjawab kebersihan awam; dan
- Menstruktur semula misi diplomatik dan pejabat lain di luar negara.

***Membangun kapasiti dalam organisasi yang memfokus kepada keutamaan negara dengan:***

- Mewujudkan TC sebagai pemangkin dalam membangun, menarik dan mendorong tenaga kerja bertaraf dunia;
- Memperluas usaha agensi yang terlibat dalam pembasmian kemiskinan untuk menyokong isi rumah 40% terendah;
- Memperkukuh peranan MIDA dengan memberi mandat yang lebih sebagai agensi penggalak pelaburan pusat untuk sektor pembuatan dan perkhidmatan dengan kuasa membuat keputusan dalam rundingan bersama pelabur; dan
- Menubuhkan sebuah unit khas di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menyelaras

inisiatif inovasi dalam meningkatkan kualiti R&D dan harta intelek.

### Mewujudkan Unit Pemantauan Berprestasi Tinggi

Selain daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri, unit pemantauan dan penyampaian lain bagi mengurus penyampaian *outcome* khusus ialah Unit Pengurusan Projek, Unit Pelaksanaan dan Pengurusan Prestasi dan *Economic Delivery Unit* yang baru diwujudkan. Unit tersebut mempunyai ciri-ciri umum, seperti ditunjukkan dalam *Carta 12*.


### Menarik, membina dan mengekalkan modal insan cemerlang dalam perkhidmatan awam dengan:

- Memperkukuh budaya prestasi dalam perkhidmatan awam;

- Menarik minat dengan mengenal pasti bakat dari awal dan meningkatkan profil perkhidmatan awam;
- Menyuntik amalan terbaik ke dalam sektor awam melalui lantikan secara lateral dan program pertukaran;
- Mereka bentuk skim perkhidmatan yang fleksibel yang dapat memadan bakat dan pengalaman secara efektif mengikut keperluan perkhidmatan awam; dan
- Menjajar semula program bina upaya untuk memenuhi keperluan pekerjaan.

Pelaksanaan usaha-usaha ini akan menyumbang kepada menjadikan aspirasi Kerajaan yang berinovatif, pantas, berhemat dan berintegriti suatu kenyataan.

Carta 12





Secara keseluruhannya, RMKe-10 merangka strategi untuk membawa negara ke arah mencapai Wawasan 2020. Ke arah ini, ekonomi disasar untuk berkembang 6% setahun dalam tempoh Rancangan dengan pertumbuhan diterajui oleh sektor swasta dan bertunjang kepada produktiviti dan inovasi menerusi pembangunan modal insan cemerlang bertaraf dunia. Pada masa yang sama, pembangunan sosioekonomi akan

diteruskan berdasarkan pendekatan secara inklusif dan mewujudkan persekitaran untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. Kerajaan juga akan ditransformasikan sebagai sebuah syarikat yang kompetitif dan pemudah cara ke arah pertumbuhan ekonomi. Agenda transformasi ini memerlukan usaha gigih dan sokongan padu daripada seluruh rakyat, sektor swasta dan awam. Dengan semangat **1Malaysia, Malaysia Boleh!**

